

Croatia hab halal di rantau Balkan

BH 11/5 10 10.5.07

Negara pernah terbabit dalam peperangan di Bosnia kini hargai keamanan

Oleh Jamhariah Jaafar

WALAU PUN jumlah umat Islam hanya 1.3 peratus daripada 4.5 juta keseluruhan penduduknya, Croatia yang berjiran dengan negara Islam, Bosnia, membuka langkah pertama memasuki industri pengeluaran makanan halal apabila menyertai Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (Mihas), yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur.


Croatia adalah antara lima negara baru, di samping Argentina, Kanada, Kuwait dan Maghribi, menyertai pameran edisi keempat anjuran Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan tumpuannya adalah untuk menjadi pengedar utama kepada Bosnia dan lebih 50 juta penduduk Islam di Eropah.

Dutanya ke Malaysia, Zeljko Cimbur, berkata hasil kerjasama erat selama ini membuatkan negaranya terus mencari peluang baru terutama bagi menarik lebih banyak pelaburan yang boleh menguntungkan kedua-dua negara.

1991 apabila ia mengisytiharkan merdeka daripada Tentera Rakyat Yugoslav, sebelum terbabit dalam konflik berdarah yang pernah dianggap sebagai tragedi amat buruk dalam sejarah manusia, terutama usaha kumpulan Serbia untuk menghapuskan umat Islam di Bosnia. Croatia yang turut terbabit dalam peperangan berkenaan, berjaya meleraikan konflik pada 1995.

“Belajar daripada keperitan hidup ketika zaman peperangan, rakyat Croatia kini mula menghargai keamanan dan semangat kerjasama dengan semua kumpulan minoriti terutama umat Islam. Timbalan saya di sini (Kedutaan Croatia di Malaysia) beragama Islam. Dia banyak menjalinkan hubungan terutama membuka industri pengeluaran makanan halal ke Croatia, Bosnia dan mungkin ke seluruh Eropah,” ceritanya mengenai usaha Kerajaan Croatia menjalinkan hubungan harmoni di kalangan penganut Kristian dan Islam di negara berjiran itu.

Apa yang lebih menarik majoriti 1.3 peratus umat Islam di Croatia pernah men-



waan halal yang diterima dunia adalah membabitkan makanan yang dibenarkan, minuman dan kosmetik tanpa ada kesan penggunaan khinzir.

“Bagi minuman dan kosmetik ia bermaksud tanpa alkohol atau sesuatu yang memabukkan. Peraturan ini berdasarkan al-Quran di mana ia adalah asas kepada seluruh umat Islam untuk memajukan pialaian halal untuk kegunaan semua barangan, perkhidmatan dan juga cara hidup,” katanya dalam wawancara berkenaan.

Menjawab soalan, Cimbur berkata, usaha Croatia membabitkan diri dalam pengeluaran industri halal ini sekali gus boleh merapatkan hubungan antara negaranya dan Bosnia, di mana penduduk kedua-dua negara mempunyai pertalian keluarga.

Cimbur menegaskan beberapa tokoh perniagaan Malaysia sudah mula membuat tinjauan lebih serius dengan niat untuk melabur di Croatia. Antara yang mengadakan tinjauan ialah Tan Sri Halim Mohammad pemilik Halim Mazmin Bhd yang

"Hubungan Malaysia-Croatia bermula ketika konflik semakin serius di Balkan pada 1990-an, di mana hampir mustahil untuk mana-mana negara menghantar bantuan kemanusiaan kepada mangsa perang di Bosnia. Misi pengaman Malaysia telah menjalin hubungan baik dengan Croatia dan menggunakan negara kami sebagai pintu masuk ke Bosnia.

"Sejak itu hubungan Malaysia-Croatia amat baik dan peluang menyertai industri produk halal ini sebenarnya dengan menasaskan umat Islam di Bosnia sebagai pengguna utama," kata duta yang memiliki wajah mirip pelakon Hollywood terkenal, Omar Sharif.

Croatia atau nama rasminya Republik Croatia terletak antara rantau Mediterranean dan Eropah Tengah. Negara ini berkongsi sempadan darat dengan Slovenia dan Hungary di utara, Serbia di Timur, Bosnia dan Herzegovina di selatan dan timur, Montenegro di selatan, manakala sempadan laut di barat berhampiran Itali.

Penduduk Croatia adalah terdiri daripada rakyat Croat (89.9 peratus) iaitu 87.8 peratus beragama Kristian Katolik, 4.4 peratus lagi mempunyai pegangan Ortodoks dan umat Islam Sunni menjadi kumpulan minoriti dengan 1.3 peratus.

Croatia adalah antara negara di bawah gabungan Republik Yugoslavia sehingga

jadi rakyat Bosnia dan mereka daripada kalangan orang berada. Penghijrahan ke Croatia semata-mata untuk memulihkan ekonomi mereka.

Menurut Cimbur, antara yang paling berjaya ialah Aziz Hasanovic, Timbalan Presiden Mesihat Masyarakat Islam Croatia, yang menegaskan pengeluaran produk halal bukan terhad kepada makanan, bahkan kosmetik.

"Menurut Aziz, pengeksport produk halal dari Malaysia ke Croatia bukan saja akan memberi faedah kepada umat Islam Croatia dan Bosnia, bahkan negara kami boleh menjadi pintu masuk kepada pasaran EU yang mempunyai lebih 50 juta umat Islam.

"Croatia belum menjadi anggota EU dan kami tidak mahu tergesa-gesa menganggotai kesatuan negara terbesar dunia ini. Kami perlu menyediakan diri untuk menghadapi persaingan yang sudah pasti akan memberi kesan besar kepada Croatia. Usaha menjadi pintu masuk kepada produk halal ini adalah antara pentas terbaik untuk menyiapkan diri bagi menghadapi persaingan yang bakal berlaku," katanya mengenai Croatia yang bakal menjadi anggota EU dan NATO tidak lama lagi.

Ketika ini antara syarikat Croatia yang melaksanakan sistem piawaian halal ialah Stella Croatica, manakala beberapa syarikat lain seperti syarikat pengeluar gula

“Belajar daripada keperitan hidup ketika zaman peperangan, rakyat Croatia kini mula menghargai keamanan dan semangat kerjasama dengan semua kumpulan minoriti terutama umat Islam”

Zeljko Cimbur
Duta Croatia

VIRO, PIK Vrbovec, Koka-Varazdin, Vindija-Varazdin, industri memproses daging Skladinvest-Samobor serta pengeluar madu Dominis Dugo, menyuarakan hasrat untuk mengikuti piawaian halal yang ditetapkan.

Aziz dalam wawancara dengan *Buletin Izvoznik* yang dikeluarkan pengeksport Croatia Mac lalu, memaklumkan kepada pengeluaran produk Croatia bahawa pia-

menyatakan minat untuk melihat industri perkapalan di Croatia, serta kemungkinan mendapatkan kepakaran dari negara itu bagi membantu Malaysia menyediakan kemudahan yang dirancang.

"Tan Sri Halim berada di sana awal bulan ini, bukan saja sebagai wakil Matrade untuk mengukuhkan hubungan dagang dengan Croatia, bahkan melihat industri perkapalan kami yang boleh dianggap paling berkesan.

"Antara yang mungkin ditinjau ialah mencari kontena untuk mengeksport minyak sawit dan cara untuk menyediakan kemudahan membina dan membaiki kapal," kata Cimbur mengenai lawatan pemilik syarikat Halim Mazmin yang akan turut disertainya.

Dipercayai fokus lawatan Halim ialah untuk menyediakan kemudahan di Wilayah Pembangunan Ekonomi Selatan Johor (SJER) serta usaha membina pelabuhan membaiki kapal di Lumut.

"Croatia berharap lawatan ini akan membuah hasil dalam bentuk kerjasama yang lebih kukuh dengan Malaysia. Ini adalah usaha sama terbaik terutama kerana kami turut boleh menyumbang kepakaran kepada Malaysia," katanya mengenai kemampuan Croatia dalam industri pembinaan kapal dan pelabuhan, seiring dengan keinginan Malaysia mencari alternatif daripada sumber sedia ada.